



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (IPGM, KPM) dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia berstatus Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Jawatan Akademik & Pegawai Pengurusan) yang berkelayakan dalam bidang-bidang berkaitan untuk mengisi jawatan tetap di semua Kampus Institut Pendidikan Guru.

A. JAWATAN

JAWATAN AKADEMIK

PENSYARAH (PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN-PPP)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Disahkan dalam perkhidmatan;
- c) Tahap kesihatan yang baik;
- d) Bukti kecemerlangan perkhidmatan, markah Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT/ PBPPP) sekurang-kurangnya 85% dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut (2019, 2020 dan 2021);
- e) Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib / surcaj;
- f) Telah melaksanakan perisytiharan harta;
- g) Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Tegar Institut Pendidikan dan tidak berada dalam keberhutangan yang serius;
- h) Berada di Gred PPP Siswazah sekurang-kurangnya DG44 Hakiki / KUP;
- i) Memiliki kelayakan akademik seperti berikut:-
 - (i) Ijazah Sarjana Muda atau Diploma Lanjutan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian

tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Akreditasi Malaysia.

(ii) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

atau

(iii) Ijazah Kedoktoran (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(iv) Keutamaan akan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan akademik yang sama atau selari dalam **Ijazah Sarjana Muda atau Diploma Lanjutan, Ijazah Sarjana dan Ph.D dalam bidang berkaitan** yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

j) Diperakukan oleh Ketua Jabatan (Pengarah dan Pengetua/ Guru Besar).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

JAWATAN AKADEMIK

JURULATIH KOKURIKULUM Gred DG44

- (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(a) hingga 1(j)
- (ii) Kelayakan tambahan dalam bidang Kokurikulum
 - Mempunyai kelayakan, pengalaman dan kepakaran dalam bidang Kokurikulum.

- Mempunyai sekurang-kurangnya **SATU (1) Sijil Kejurulatihan dan DUA (2) Sijil Kepegawaian** dalam bidang Kokurikulum daripada Jabatan/ Agensi Sukan yang diperaku,
- Aktif dan banyak memberi sumbangan dalam bidang Kokurikulum.

JAWATAN PENGURUSAN

PEGAWAI PENGURUSAN Gred DG41/42/ 44(KUP)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Disahkan dalam perkhidmatan;
- c. Tahap kesihatan yang baik;
- d. Bukti kecemerlangan perkhidmatan, markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT/ PBPPP) sekurang-kurangnya 85% dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut (2019, 2020 dan 2021);
- e. Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib / surcaj;
- f. Telah melaksanakan perisytiharan harta;
- g. Perakuan daripada Ketua Jabatan dan pemohon bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Tegar Institusi Pendidikan dan tidak berada dalam keberhutangan yang serius;
- h. Berada di Gred PPP Siswazah sekurang-kurangnya DG41 Hakiki /42/ 44 KUP;
- i. Memiliki kelayakan akademik seperti berikut:-
 - (i) Ijazah Sarjana Muda atau Diploma Lanjutan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Akreditasi Malaysia.
 - (ii) Keutamaan akan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan akademik yang sama atau selari dalam **Ijazah Sarjana Muda atau Diploma Lanjutan, Ijazah Sarjana dan Ph.D** dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan

daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

B. BIDANG PENGKHUSUSAN YANG DITAWARKAN

SENARAI BIDANG BERKAITAN PENSYARAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU SKIM PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

BIL	SENARAI BIDANG
1	Bahasa Melayu (Keperluan Kritikal di Sabah dan Sarawak)
2	Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (TESL) (Keperluan Kritikal di Sabah dan Sarawak)
3	Bahasa Perancis
4	Bahasa Jepun
5	Bahasa Korea
6	Bahasa Arab
7	Bahasa Tamil
8	Bahasa Cina (Keperluan Kritikal di Sabah dan Sarawak)
9	Sains (Fizik)
10	Sains (Kimia)
11	Sains (Biologi)
12	Pendidikan Islam dan Al-Quran bidang Taranum (Keperluan Kritikal di Sabah dan Sarawak)
13	Pendidikan Awal kanak-kanak (Keperluan Kritikal di Sabah dan Sarawak)
14	Pendidikan Jasmani
15	Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran)

BIL	SENARAI BIDANG
16	Pendidikan Khas (Masalah Penglihatan)
17	Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran)
18	Matematik
19	Kokurikulum
20	Sejarah
21	Pendidikan Moral
22	<p>Reka bentuk Teknologi (Keperluan Kritikal di Sabah dan Sarawak)</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Ekonomi rumah tangga, (Jahitan, Masakan) b) Kejuruteraan Elektrikal c) Kejuruteraan Awam d) Pertanian e) Teknologi Pemesinan f) Teknologi Kimpalan g) Hospitaliti h) Kejuruteraan Elektronik
23	Bahasa Kadazan Dusun (Keperluan Kritikal di Sabah dan Sarawak)
24	Pendidikan Muzik- boleh bermain alat-alat muzik moden dan klasik (Terutama gitar)
25	Pendidikan Seni Visual
26	Bimbingan dan kaunseling
27	Pegawai Pengurusan
28	Ilmu Pendidikan

C. CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

1. Permohonan hanya boleh dibuat secara dalam talian (online) di alamat **<https://sgmy.moe.gov.my/myMohon>** mulai 8 Februari 2022.
2. Pemohon perlu melengkapkan permohonan dalam talian, mencetak borang permohonan daripada sistem dan dapatkan pengesahan dan sokongan daripada Pengetua/ Guru Besar dan Pengarah JPN.
3. Permohonan akan ditapis berdasarkan syarat kelayakan dan kriteria yang telah ditetapkan oleh KPM. Sila sertakan semua salinan dokumen/ sijil (perlu disahkan oleh Pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional - Kumpulan A) seperti berikut:
 - a. Resume terkini;
 - b. Kad Pengenalan;
 - c. Salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan yang telah dikemaskini;
 - d. Sijil-sijil Akademik (SPM/ STPM/ Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana/ PhD);
 - e. Sijil-sijil Kokurikulum/ Penglibatan NGO;
 - f. Sijil Kelayakan Profesional (sekiranya ada);
 - g. Testimonial/ Pengesahan Kerja daripada majikan;
4. Tarikh tutup permohonan adalah pada **25 Februari 2022 (Jumaat)**. Borang yang lengkap perlu dihantar selewat-lewatnya pada tarikh tersebut ke alamat berikut:

Unit Pengurusan Sumber Manusia

Pejabat Pendaftar

Institut Pendidikan Guru Malaysia

Kementerian Pendidikan Malaysia

Aras 1-3, Blok 2250, Jalan Usahawan

63000 Cyberjaya, SELANGOR

5. Seorang pemohon hanya boleh memohon untuk SATU jawatan yang diiklankan sahaja.
6. Calon yang berjaya ditempatkan di IPGK perlu berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebelum boleh memohon ke mana-mana Bahagian atau agensi awam atau swasta.
7. Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Kedoktoran (Ph.D).
8. Urusan temu duga
 - Calon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temu duga. Permohonan dianggap tidak berjaya sekiranya tidak menerima sebarang maklum balas dalam masa enam (6) bulan dari tarikh iklan.
 - Permohonan yang tidak lengkap atau tidak mematuhi kriteria yang ditetapkan atau tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan dan pengarah JPN akan ditolak oleh Bahagian ini dan tidak akan diproses.

D. MAKLUMAT DAN PERHATIAN

- i) Maklumat berkaitan status permohonan yang berjaya dipanggil temuduga boleh disemak menerusi **<https://sgmy.moe.gov.my/myMohon> mulai 28 Mac 2022 (Isnin).**
- ii) Pemohon perlu menyemak tarikh-tarikh penting (**Lampiran B**) KPM berhak meminda sebarang aktiviti dan tarikh mengikut keperluan semasa.

PERINGATAN

Pemohon yang didapati memberi maklumat salah/tidak benar/manipulasi maklumat dalam borang permohonan akan diambil tindakan dengan menarik balik surat tawaran dan dikenakan tindakan undang-undang di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574]. Maklumat ini akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran dan selama tempoh pengajian.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 25 Februari 2022 (5.00 PETANG)

Sila hubungi alamat berikut sekiranya ada sebarang pertanyaan berkaitan dengan permohonan:

Unit Pengurusan Sumber Manusia

Pejabat Pendaftar

Institut Pendidikan Guru Malaysia

Kementerian Pendidikan Malaysia

Aras 1-3, Blok 2250, Jalan Usahawan

63000 Cyberjaya, SELANGOR

No. Tel: 03-8312 6666

Tarikh-Tarikh Penting

Bil	Aktiviti	Tarikh
1	Iklan	4 Februari 2022
2	Permohonan Online (Lengkapkan Dokumen Pengesahan daripada ketua Jabatan/ Pengetua/ Guru Besar dan Pengarah Bahagian/JPN	8 Februari 2022
3	Tutup Permohonan Tarikh Akhir hantar Dokumen	25 Februari 2022
4	Semakan Keputusan Panggilan Temuduga	28 Mac 2022
5	Temu duga	4 hingga 30 April 2022
6	Semakan Calon Berjaya	25 Mei 2022